

Kerajaan jamin harga petrol, LPG kekal

BH-23/5/2007

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan harga petrol dan gas asli cecair (LPG) kekal pada kadar semasa walaupun harga minyak mentah di pasaran dunia terus meningkat, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Harga runcit petrol kekal dan buat masa ini kita tidak ada rancangan mengkaji semula kerana sudah dinaikkan tahun lalu." katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) antara AirAsia Berhad (AirAsia) dan Sepang Aircraft Engineering Sdn Bhd (SAE), di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula kenaikan harga petrol berikutan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Kelmarin, harga melonjak kepada lebih RM238 setong berikutan kekacauan di Nigeria menyebabkan pasaran dunia menghadapi gangguan bekalan menjelang musim panas di Amerika Syarikat.

Selain itu, Najib berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) mempunyai mekanisme khas bagi menangani masalah kenaikan harga barang selepas gaji kakitangan awam dinaikkan, Julai ini.

Beliau yakin kementerian itu akan mengambil langkah sesuai supaya tidak ada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan tanpa asas munasabah.

"Kerajaan mempunyai dasar mengekalkan harga barang pada tahap munasabah dan tidak mahu melihat harga dinaikkan tanpa asas dan sebab.

"Saya percaya kementerian berkenaan akan mengambil tindakan sesuai bagi menghalang mereka yang cuba mengeksploitasi keadaan ini. Antara pendekatan termasuk mengadakan kawalan harga barang dan penguatkuasaan," katanya.